

## PEMAJUAN BIOLOGI SINTETIK MIKROB DALAM MEMACU KERANGKA BIOLOGI KEJURUTERAAN (ENGBio) DAN BIOEKONOMI KITARAN DI MALAYSIA

## ADVANCING MICROBIAL SYNTHETIC BIOLOGY TO DRIVE ENGINEERING BIOLOGY (ENGBio) AND CIRCULAR BIOECONOMY DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Matthlessa Matthew Minggu<sup>a,b</sup>, Nur Anisza Hanoum Naseron<sup>a,c</sup>, Peer Mohamed Abdul<sup>d,e</sup>, Zool Hilmi Ibrahim<sup>f</sup>, Kumar Sudesh<sup>g,h</sup>, Ahmad Bazli Ramzi<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup>Institut Biologi Sistem (INBIOSIS), Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>b</sup>Natural Resources and Environment Board Sarawak, 18th-20th Floor, Menara Pelita, Jalan Tun Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Locked Bag 2103, Sarawak, Malaysia

<sup>c</sup>Politeknik Nilai, Kompleks Pendidikan Nilai, Bandar Enstek, 71760 Labu, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>d</sup>Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>e</sup>Pusat Penyelidikan Teknologi Proses Mampan (CESPRO), Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>f</sup>Petronas Research Sdn Bhd (PRSB), Lot 3288 & 3289, Off Jalan Ayer Itam, Kawasan Institusi Bangi, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia

<sup>g</sup>Ecobiomaterial Research Laboratory, School of Biological Sciences, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Penang, 11800, Malaysia

<sup>h</sup>Department of Microbiology, Faculty of Science, Chulalongkorn University, Phayathai Road, Patumwan, Bangkok 10330, Thailand

### Article history

Received

28 March 2025

Received in revised form

7 August 2025

Accepted

8 August 2025

Published Online


16 June 2026

\*Corresponding author  
bazliramzi@ukm.edu.my

### Abstract

Environmental sustainability is very important to ensure the country's sustainable economic development in the long term. Advances in synthetic biology and microbial engineering have grown rapidly to meet the global need to develop sustainable and effective biological-based products (bioproducts) via Engineering Biology (EngBio) framework. Bioproduction and biorefining methods, which use renewable raw materials such as plant biomass and industrial waste to produce biological products,

## Graphical abstract



can be used as modular platforms to produce low carbon bioproducts. Guided by the cyclical bioeconomic model, this review study focuses on using synthetic biology and microbial engineering in the research and production of bioproducts, especially for studies involving local research groups. Emphasis is placed on the development of microorganisms as chassis and genetic building blocks that can be used in biotransformation and biomanufacturing, such as the production of monomers, polymers, and bio-based fuels. The important role of synthetic biology and microbial engineering in helping the development of sustainable bioproducts and circular bioeconomy in Malaysia was also discussed to provide a framework for synthetic biology and EngBio in Malaysia, in line with the Malaysian Biotechnology Policy 2.0 (2022–2030).

**Keywords:** Microbial synthetic biology, Engineering Biology, biomanufacturing, biosynthesis of monomers and polymers, biofuels, low-carbon bioproducts, circular bioeconomy

## Abstrak

Kelestarian alam sekitar adalah amat penting untuk memastikan pembangunan ekonomi negara yang mampan dalam jangka masa panjang. Kemajuan dalam bidang biologi sintetik dan kejuruteraan mikrob telah berkembang pesat untuk memenuhi keperluan global bagi pembangunan produk berasaskan biologi (bioproduk) melalui kerangka Biologi Kejuruteraan (EngBio). Kaedah biopengeluaran dan biopenapisan, yang menggunakan bahan mentah boleh diperbaharui seperti biojisim tumbuhan dan sisa industri untuk menghasilkan produk biologi, boleh dijadikan platform bermodul bagi penghasilan bioproduk karbon rendah. Berpandukan model bioekonomi kitaran, kajian ulasan ini memberi tumpuan kepada penggunaan biologi sintetik dan kejuruteraan mikrob dalam penyelidikan and penghasilan bioproduk terutamanya bagi kajian melibatkan kumpulan penyelidikan tempatan. Penekanan diberikan kepada pembangunan mikroorganisma sebagai casis dan blok binaan genetik yang boleh digunakan dalam biotransformasi dan biopembuatan, seperti penghasilan monomer, polimer dan bahan api berasaskan biologi. Peranan penting biologi sintetik dan kejuruteraan mikrob dalam membantu pembangunan bioproduk lestari dan bioekonomi kitaran di Malaysia turut dibincangkan untuk menyediakan rangka kerja biologi sintetik dan ekosistem EngBio di Malaysia, selari dengan Dasar Bioteknologi Malaysia 2.0 (2022–2030).

**Kata kunci:** Biologi sintetik mikrob, Biologi Kejuruteraan (EngBio), biopembuatan, biosintesis monomer dan polimer serta biofuel, bioproduk rendah karbon, bioekonomi kitaran

© 2026 Penerbit UTM Press. All rights reserved

## 1.0 PENGENALAN

Di bawah Dasar Bioteknologi Negara (DBN), kerajaan Malaysia memberi tumpuan terhadap inisiatif sains kepada perniagaan untuk memanfaatkan pertumbuhan pesat sektor biologi dan teknologi untuk transformasi dan pembangunan ekonomi [1], [2]. Dasar DBN dilaksanakan dalam tiga fasa sepanjang 15 tahun. Fasa ini melibatkan pembangunan kapasiti (2005-2010), sains kepada perniagaan (2011-2015) dan memperkenalkan syarikat Malaysia ke peringkat global (2016-2020) [2]. Kajian Impak DBN dari 2005 hingga 2020 mendapati industri bioteknologi telah berjaya meningkatkan bilangan syarikat tempatan bertaraf dunia, mewujudkan banyak peluang pekerjaan dan menyumbang 5% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara [3]. Selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan Dasar Bioteknologi

Malaysia 2.0 (2022–2030) sebagai kesinambungan daripada DBN 2005-2020 [3]. Untuk mengurangkan pergantungan kepada sumber tenaga fosil dan mencapai pelepasan sifar karbon menjelang 2050, Pelan Tindakan Biojisim Kebangsaan menggalakkan penggunaan produk pertanian dan tenaga [4]. Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara bioinovasi berteknologi tinggi yang maju, makmur, inklusif dan mampan menjelang 2030, dasar ini akan menyokong pertumbuhan sektor bioekonomi negara dengan tumpuan kepada pembangunan ekosistem bioteknologi moden tempatan. Salah satu komponen utama ekosistem ini adalah pemerkasaan sektor bioindustri tempatan melalui kegiatan R&D&I&C antara institusi tempatan dengan kerjasama industri.

Di peringkat global, penggunaan teknologi terkehadapan seperti biologi sintetik dan kejuruteraan metabolik telah membolehkan penyelesaian berasaskan biologi secara pantas

seiring dengan keperluan bioekonomi yang lestari. Sehubungan ini, kajian rumusan ini memfokuskan kepada aplikasi biologi sintetik bagi pembangunan strem dan enzim ke arah penghasilan ekonomi kitaran dalam industri biojistik dan pengurusan sisa pepejal di negara ini. Penekanan diberikan terhadap enzim rekombinan dan sebatian bio-kimia seperti bioplastik dan biobahan api yang terhasil daripada mikrob terubahsuai secara biologi.


## 2.0 BIOLOGI KEJURUTERAAN (EngBio) UNTUK INOVASI MAMPAN

### 2.1 Aplikasi Biologi Sintetik Dalam Pembangunan Ekosistem Biologi Kejuruteraan (EngBio)

Pembangunan bioekonomi melalui bioteknologi dan biokejuruteraan semakin didorong oleh kemajuan dalam teknologi terkehadapan merangkumi bidang biologi sintetik, kejuruteraan mikrob, sains data, pembelajaran mesin termaju serta kecerdasan buatan. Biologi sintetik secara umumnya ditakrifkan dengan rekabentuk bahagian, peranti dan sistem biologi dan rekabentuk semula sistem biologi sedia ada [5]. Bidang biologi sintetik dan biokejuruteraan telah berkembang dan telah dijadikan sebagai teknologi pemboleh bagi pembangunan ekosistem Biologi Kejuruteraan (EngBio) yang menekankan pembangunan dan pengkomersialan produk sebagai bio-solusi [6]. Secara prinsipnya, EngBio ditakrifkan sebagai penerapan prinsip kejuruteraan seperti modulariti, penyeragaman dan reka bentuk boleh ramal kepada sistem biologi melalui pendekatan biologi sintetik bagi menghasilkan penyelesaian bioteknologi yang boleh diskala dan lestari [7], [8]. Ekosistem inovasi EngBio merangkumi pembangunan strem atau bioproduct yang dibangunkan melalui kitaran lalaran Rekabentuk-Bina-Uji-Belajar (DBTL) dan peningkatan skala bioproduct tersebut menggunakan kaedah bioproses dan biopembuatan [9].

Teknologi berasaskan biologi sintetik sedang giat diperluaskan bagi pembangunan inovasi karbon-rendah yang bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kebergantungan pada bahan api fosil, tetapi ia juga berpotensi untuk memodenkan sektor perindustrian untuk menjadi hijau dan mampan [9].

Untuk beralih daripada konsep idea saintifik kepada penghasilan bioproduct memerlukan penyelidikan yang berterusan, pertukaran ilmu pengetahuan dan kerjasama di antara para penyelidik. Dalam usaha untuk memaksimumkan manfaat EngBio dalam mendorong pertumbuhan berlandaskan bioekonomi yang holistik dan rendah karbon, penglibatan dan kerjasama aktif antara semua pihak berkepentingan seperti komuniti saintifik, pihak kerajaan dan pelabur adalah faktor penentu utama (Rajah 1).




**Rajah 1** Gambaran ringkas ekosistem bioekonomi berasaskan Biologi Kejuruteraan (EngBio) menggunakan Biologi Sintetik sebagai teknologi pemboleh

### 2.2 Mikrob Dan Enzim Sebagai Bio-Solusi Kepada Permasalahan Tempatan

Mikroorganisma dan enzim merupakan biomangkin mesra alam, selamat dan berkesan untuk tindak balas kimia dan biokimia. Mikrob boleh digunakan secara langsung atau kejuruteraan genetik untuk menghasilkan pelbagai biokimia semasa proses pembuatan bahan bio. Enzim adalah pemangkin semula jadi yang sangat spesifik. Ia secara selektif mengaktifkan tindak balas kimia dengan protein tanpa memerlukan tenaga atau pelarut organik [10]. Kepakaran penyelidik Malaysia dalam pelbagai bidang bioteknologi, seperti biologi sintetik, biologi molekul, dan kejuruteraan genetik, telah memperkukuh pembangunan mikroorganisma dan enzim untuk inovasi bioteknologi.

Inovasi ini merangkumi pembangunan strem dan enzim sebagai bio-solusi untuk aplikasi biopenukaran, biopembuatan dan bio-kitar semula, yang menonjolkan potensi Malaysia dalam bidang sains dan teknologi. Dalam kerangka 10-10 MySTIE, teknologi mikrob dan enzim telah diutamakan sebagai sebahagian daripada kategori teknologi biosains [11]. Rajah 2 menunjukkan himpunan bioproduct yang telah dilaporkan oleh kumpulan-penyelidikan di Malaysia menggunakan teknologi biosains.



**Rajah 2** Himpunan bioproduct yang dihasilkan di Malaysia menggunakan teknologi biosains


### 2.3 Biologi Sintetik Sebagai Teknologi Pendaya Baharu Di Malaysia

Sejak kemunculannya pada tahun 2000, biologi sintetik telah berkembang pesat sebagai bidang transdisiplin yang dinamik, menggabungkan pelbagai bidang biologi, kejuruteraan dan pemodelan komputer untuk mereka bentuk bahagian biologi baru, peranti dan sistem biologi sedia ada agar menjadikan sistem biologi kejuruteraan lebih sistematik dan boleh diramal [8], [12]. Untuk meningkatkan prestasi organisma dan laluan biologi, prinsip asas biologi sintetik menekankan reka bentuk rasional, modulariti dan penyeragaman [8]. Aplikasi pendekatan biologi sintetik, terutamanya dalam kawalan ekspresi gen yang diprogramkan di peringkat pengawalseliaan telah berjaya dalam meningkatkan keupayaan untuk mereka bentuk dan mengoptimumkan sistem biologi dengan lebih berkesan [13].

Penggunaan mikrob sebagai platform utama dapat menghasilkan dan meningkatkan pengeluaran pelbagai jenis produk berasaskan biologi dengan cara yang lebih sistematik dan bermodul seperti dalam Rajah 3.

Dalam biologi sintetik, casing mikrob merupakan organisma hidup yang menyediakan rangka kerja selular untuk pembangunan laluan genetik bagi penghasilan produk yang dikehendaki [8]. Pemilihan casing mikrob yang ideal adalah penting dalam biologi sintetik untuk mempertingkatkan kecekapan pengeluaran produk biologi [14], [15], [16]. Casing mikrob yang ideal perlu mempunyai beberapa sifat penting, termasuk maklumat genetik yang diketahui, keperluan pemakanan yang mudah, toleransi terhadap tekanan, kadar pertumbuhan yang pesat,

alat untuk manipulasi genom, sistem rembesan yang cekap dan ketahanan terhadap keadaan yang melampau [17], [18].



**Rajah 3** Gambaran skematik bagi prinsip dan aplikasi biologi sintetik

Biologi sintetik juga membolehkan reka bentuk dan pembinaan laluan metabolik baru dengan menggabungkan bahagian genetik daripada organisma yang berbeza. Kejuruteraan genetik, teknik penyuntingan genom dan penggunaan alat perkomputeran merupakan komponen penting dalam menghasilkan bahan kimia yang dikehendaki dengan prestasi tinggi (Rajah 3).

Alat reka bentuk bantuan komputer telah merevolusikan bidang biologi sintetik dengan membolehkan mereka bentuk dan mengoptimumkan sistem biologi secara tepat. Penyelidik menggunakan alatan bioinformatik dan in siliko untuk menganalisis dan memanipulasi urutan DNA, sementara model perkomputeran digunakan untuk meramalkan kelakuan sistem kejuruteraan [12], [19], [20]. Alat perisian seperti SnapGene [21] dan Benchling [22] sering digunakan bagi proses mereka bentuk konstruk plasmid dan menyediakan simulasi eksperimen secara in siliko, sekali gus meningkatkan kecekapan dan kebolehulangan proses pembinaan pembangunan stren. OptKnock [23] dan COBRA [24] membantu penyelidik memodelkan rangkaian, meramal dan mengenal pasti laluan kesesakan untuk mengoptimumkan laluan metabolik untuk penghasilan molekul sasaran [10]. GECKO 3.0 pula

membantu dalam mereka bentuk mikrob sintetik yang lebih cekap dengan mensimulasikan pengaruh had enzim dan kapasiti protein terhadap keberkesanan laluan metabolik yang direka [25], [26]. Dengan mengoptimalkan reka bentuk laluan sintetik melalui model perkomputeran dan alat bioinformatik, masa dan sumber yang diperlukan untuk ujian eksperimen dapat dikurangkan [10], [20], [21].

Pendekatan terkini menggabungkan biologi sintetik dan kecerdasan buatan (AI) termasuk pembelajaran mesin (ML) untuk meningkatkan keupayaan dalam pengoptimuman penghasilan sesuatu biomolekul melalui peramalan dan simulasi laluan biosintetik dan reka bentuk konstruk bagi setiap kitaran DBTL. Dengan menggunakan set data experimental dan data simulasi, aplikasi berasaskan ML yang dipanggil *Automated Recommendation Tool* (ART) telah dibangunkan [26]. Melalui model ramalan keberangkalian (*probabilistic predictive model*), platform ART telah membolehkan penyelidik untuk membuat simulasi penghasilan metabolit dan seterusnya menghasilkan stren mikrob terjurutera metabolik melalui kitaran DBTL bersepadu [26]. Penggunaan kaedah ML dalam kejuruteraan metabolik in siliko menggunakan algoritma-algoritma metahueristik (*metaheuristic algorithms*) telah dibangunkan oleh kumpulan penyelidik tempatan. Antaranya, kaedah *Particle Swarm Optimization Minimization of Metabolic Adjustment* (PSOMOMA) telah digunakan bagi penentuan kadar pertumbuhan dan penghasilan asid suksinik tertinggi dalam *Escherichia coli* terubahsuai secara biologi

[27]. Gen-gen yang perlu dinyahaktifkan seperti *ackA*, *pta*, *ghrA* dan *dctA* dapat diramal secara in siliko bagi simulasi kadar fluks tertinggi terhadap penghasilan asid suksinik [27]. Pendekatan baharu menggunakan Algoritma Bersepadu berdasarkan Kebolehpercayaan (*Reliability-Based Integrating algorithm*) atau dikenali sebagai algoritma RBI, telah membolehkan simulasi pembangunan stren mutan *E. coli* dan *Saccharomyces cerevisiae* [28]. Dengan mengguna pakai dataset sedia ada termasuk model metabolik berskala genom (*genom-scale metabolic model*; GSMM), rangkaian pengawal atur (*gene regulatory networks*; GRNs) dan data pengekspresan gen, simulasi pertumbuhan (penghasilan biojisim) dapat dilaksanakan selain penghasilan terbanyak bagi asid suksinik dalam *E. coli* dan etanol dalam *S. cerevisiae* [28]. Kebolehan dalam membuat simulasi stren akan membantu proses pemilihan set gen-gen secara optimum dan pantas dan tanpa memerlukan pelaksanaan aktiviti makmal basah (*wet lab*) yang memakan masa dan kos. Justeru, penggabungan peralatan in siliko dalam strategi kejuruteraan stren memainkan peranan penting dalam proses pembangunan dan pemprototaipan bioproduct secara pantas dan bersepadu.

#### 2.4 Pembangunan Stren dan Enzim Rekombinan Sebagai Agen Pengurai Biojisim Tumbuhan

Teknologi penghasilan enzim rekombinan melalui kejuruteraan mikrob dan bioproses memainkan peranan penting dalam bioteknologi industri.

**Jadual 1** Penghasilan enzim dengan kepelbagaian kefungsiannya bagi kegunaan industri melalui kejuruteraan genetik oleh kumpulan-kumpulan di Malaysia

Jenis enzim	Casis	Strategi kejuruteraan	Aplikasi	Sumber rujukan
Lipase termostabil	<i>Pichia pastoris</i> stren GS115 (his4)/ plasmid pPICZaA	Ekspre gen L2 lipase termostabil daripada <i>Bacillus</i> sp. L2 termofilik	Detergen, pembangunan perisa, biosensor dan perawatan sisa air	[31]
Lipase	<i>Escherichia coli</i> BL21 (DE3)	Ekspre gen <i>GlaEst1</i> , enzim lipase yang sensitif kepada hormon daripada <i>Glaciozyma antarctica</i>	Biokatalisis	[32]
Hemiselulase xilanase termostabil	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspre gen xilanase (xyng) ekstraselular daripada <i>Aspergillus fumigatus</i> af293 menggunakan isyarat peptida M5 pada graphene oksida oleh sel <i>E. coli</i> yang tidak bergerak	Biokatalisis	[33]
Hemiselulase xilanase	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspre Endo-1,4- $\beta$ -xilanase daripada <i>Aspergillus fumigatus</i> pada <i>E. coli</i> dengan menggunakan protein nukleasi ais <i>Erwinia ananas</i> (InaA)	Prebiotik, pemanis tiruan, suplemen dalam makanan ternakan	[34]
	<i>Lactococcus lactis</i>	Ekspre xilanase dengan peptida isyarat USP45 daripada protein rembesan laktokokus, USP45 dan Spk1 daripada <i>Pediococcus pentosaceus</i>	Enzim hidrolitik	[35]

Jenis enzim	Casis	Strategi kejuruteraan	Aplikasi	Sumber rujukan
	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspresi xilanase pada <i>E. coli</i> melalui protein nukleasi ais terpotong <i>Erwinia ananas</i> IN-10 (InaA)	Enzim hidrolitik	[36]
Hemiselulase	<i>P. pastoris</i> X-33	Ekspresi gen $\alpha$ -L-arabinofuranosidase (AnabfA) daripada <i>Aspergillus niger</i> ATCC 120120	Hidrolisis hemiselulosa kenaf	[37]
	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspresi enzim $\alpha$ -L-arabinofuranosidase (Abfa) ekstraselular daripada <i>Geobacillus thermoleovorans</i> IT-08 menggunakan peptida isyarat M5	Industri pulpa dan kertas, agen peluntur, sintesis oligosakarida dan prarawatan lignoselulosa	[38]
Selulase $\alpha$ -amilase	<i>Meyerozyma guilliermondii</i> stren SO	Ekspresi gen SR74 $\alpha$ -amilase daripada <i>Geobacillus stearothermophilus</i> SR74 tanpa penggunaan metanol	Biokatalisis	[39]
Selulase	<i>P. pastoris</i>	Ekspresi selobiohidrolase (CbhlI), endoglukanase (EglB) dan $\beta$ -glukosidase (BglA) daripada <i>Trichoderma virens</i>	Enzim hidrolitik untuk hidrolisis biojisim tandan kosong kelapa sawit	[40]
	<i>P. pastoris</i> X-33	Ekspresi gen selobiohidrolase 7B (CBH7B) daripada kulat termofilik <i>Thielavia terrestris</i>	Hidrolisis selulosa	[41]
	<i>P. pastoris</i>	Ekspresi gen selobiohidrolase daripada <i>Humicola insolens</i> ATCC16454	Hidrolisis selulosa	[42]
Xilitol	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspresi gen xilitol-5-fosfat dehidrogenase (XPDH) daripada <i>Clostridium difficile</i>	Gula bio	[43]
	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspresi gen xilosa reduktase (XR) daripada <i>Neurospora crassa</i> dalam sel <i>E. coli</i> yang tidak bergerak pada nanotiub karbon berbilang dinding	Gula bio	[44]
Protein antibeku	<i>P. pastoris</i>	Ekspresi gen Afp1 daripada <i>Glaciozyma antarctica</i>	Bahan tambah makanan, perubatan	[45]
	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspresi gen AFP4 daripada <i>Geobacillus antarctica</i> P112	Bahan tambah makanan, perubatan	[46]
Malto-oligosakarida (MOS)	<i>E. coli</i> BL21 (DE3)	Ekspresi gen siklodekstrin glukano transferase (CGTase) dan maltogenik amilase (MAG1) daripada <i>Bacillus lehensis</i> G1	Pengganti gula dan lemak, pengawet tiruan, enkapsulasi bahan makanan dan agen anti-staling	[47]
Enzim bercabang glikogen (glgB)	<i>E. coli</i> BL21 Star™ (DE3)	Ekspresi enzim glikogen bercabang Geo-05 daripada <i>G. mahadia</i>	Pemprosesan makanan dan minuman, industri nutraseutikal	[48]
Enzim L-laktat dehidrogenase	<i>E. coli</i> SZ85	Ekspresi berlebihan gen L-lidh daripada <i>E. faecalis</i> KK1	Industri makanan, farmaseutikal, perubatan, dan pertanian	[49]


Enzim lipase memainkan peranan penting dalam pelbagai proses biokimia dan mempunyai aplikasi yang luas dalam industri termasuk detergen, tambahan makanan dan bioremediasi [29]. Enzim pengurai biojisim berlignoselulosa seperti selulase dan hemiselulase adalah penting untuk menguraikan lignoselulosa kepada monosakarida

[30]. Dalam industri makanan, enzim seperti protein antibeku dan L-laktat dehidrogenase digunakan untuk mengawet makanan, meningkatkan rasa, tekstur dan memanjangkan jangka hayatnya [29]. Beberapa enzim industri utama, seperti lipase, enzim pengurai lignoselulosa dan enzim untuk teknologi makanan dan biopenukaran biojisim tumbuhan,

telah dihasilkan oleh penyelidik di Malaysia (Jadual 1).

## 2.5 Kerangka Reka Bentuk-Bina-Uji-Belajar (DBTL) Untuk Pemprototaipan Pantas

Gabungan biologi sintetik dan kejuruteraan mikrob dijangka akan mempercepatkan pembangunan kilang sel mikrob yang berkesan untuk aplikasi biopembuatan yang mampan dan bioekonomi kitaran, seterusnya menyokong matlamat DBN 2.0 untuk memajukan produk berasaskan bio di Malaysia. Rangka kerja iteratif DBTL merupakan antara komponen utama yang digunakan dalam EngBio bagi pemprototaipan pantas bioproduk seperti protein, enzim dan stren [22], [50]. Rajah 4 menunjukkan cara kitaran DBTL mempercepatkan pembangunan dan pengoptimuman stren mikrob melalui kaedah dan aplikasi biologi sintetik dan sel sintetik.



**Rajah 4** Kitaran iteratif DBTL bagi pembangunan stren dan enzim menggunakan strategi biologi sintetik


Kerangka DBTL ini telah menjadi platform penyambung dan pemula bagi kerjasama berasaskan kerjasama penyelidikan menggunakan instrumen dan fasiliti automatik dan bersepadu yang dipanggil sebagai biofoundri (*biofoundry*) [51]. Fasiliti biofoundri ini telah digunakan untuk penghasilan prototaip secara pantas seperti yang dilaporkan daripada kumpulan penyelidikan di UK dan US di mana sebatian bio-monomer dan bio-farmaseutikal berjaya dihasilkan kurang daripada 90 hari [52], [53]. Selari dengan ini, UKM Biofoundry telah ditubuhkan untuk merencanakan kegiatan R&D&I berlandaskan fasiliti biofoundri untuk meningkatkan kapasiti

pembangunan stren dan enzim secara bersepadu dan automasi di Malaysia [54].

## 2.6 Pembangunan Stren Untuk Penghasilan Bioproduk Karbon Rendah

Bagi penghasilan bio-produk secara lestari, penekanan kini adalah terhadap pembangunan produk karbon rendah selari dengan konsep bioekonomi kitaran [55]. Berikutan permintaan tinggi dan keperluan semasa terhadap proses dengan jejak karbon rendah, sektor industri utama termasuk sektor kimia, minyak dan gas makin menekankan penggunaan bahan-bahan dan proses yang lebih mesra alam dan mampan melalui sistem gelung tertutup terutamanya dari segi pengurangan pembebasan gas CO<sub>2</sub> secara jitu dan menyeluruh [56]. Produk-produk alternatif kepada bahan bersumberkan fosil seperti plastik, bahan api, bahan material dan komoditi kimia kini telah mendapat permintaan tinggi terutamanya untuk bioekonomi kitaran menggunakan proses pembuatan neutral karbon dan negatif karbon selain daripada pengurangan sisa dan penghasilan plastik terbiodegradasikan [57], [58].

Penghasilan monomer bersumberkan biologi dan polimer boleh terbiodegradasi seperti bio-monomer plastik dan biopolimer dapat dilaksanakan menggunakan teknologi kejuruteraan mikrob, bioproses dan biologi sintetik (Rajah 5).



**Rajah 5** Sinergi antara biologi sintetik dan kejuruteraan mikrob untuk aplikasi bioteknologi industri dan inovasi karbon rendah

Antara biopolimer yang makin mendapat perhatian adalah polihidroksialkanoat (PHA), iaitu sejenis bioplastik terbiodegradasikan yang dihasilkan oleh bakteria sebagai tenaga dan sumber karbon intraselular [59], [60], [61]. Banyak kajian telah menggunakan biojisim lignoselulosa daripada sisa pertanian dan perhutanan sebagai substrat alternatif kos rendah bagi penghasilan PHA sebagai inovasi karbon rendah (Rosenboom, Langer & Traverso 2022; Vu et al. 2020). Sisa pelepah dan tandan

kosong kelapa sawit digunakan sebagai substrat gula untuk pengeluaran PHA, manakala efluen kilang kelapa sawit diubah menjadi asid organik campuran dan gliserol sebagai substrat untuk mengurangkan kos pengeluaran PHA [62]. Selain mikrob jenis liar yang dipencilkan dari persekitaran

tempat, stren-stren rekombinan yang dibangunkan telah menunjukkan keupayaan yang lebih tinggi untuk menghasilkan PHA dengan lebih cekap seperti ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Strategi kejuruteraan mikrob penghasil PHA oleh kumpulan-kumpulan penyelidikan di Malaysia

Casis	Substrat	Strategi kejuruteraan	Jenis polimer asal/direka bentuk	Sumber rujukan
<i>Pseudomonas putida</i> KT2440 dan <i>Cupriavidus necator</i> H16	Glukosa	Pengekspresan gen PET hidrolase secara ortogonal di dalam stren rekombinan bakteria penghasil PHA, stren PETase <i>P. putida</i> dan <i>C. necator</i>	PHA	[50]
<i>Pseudomonas extremaustralis</i> 14-3b	Glukosa	Pengekspresan gen <i>FucO</i> bagi penghasilan enzim furfural reduktase rekombinan dalam bakteria penghasil PHA, stren <i>pFucO P. extremaustralis</i>	PHA	[63]
<i>Cupriavidus necator</i> PHB4	Glukosa, fruktosa, sukrosa, molase tebu, minyak sawit, minyak isirong sawit mentah (CPKO), gliserol	Ekspresi gen <i>phaC<sub>RP</sub></i> daripada <i>Rhodococcus pyridinivorans</i> BSRT1-1	Poli(3-hidroksibutirat-ko-3-hidroksiheksanoat) (P(3HB-ko-3HHx))	[64]
<i>Cupriavidus necator</i> Re2058/ pCB113	Campuran minyak isirong sawit mentah (CPKO) dan sap batang pokok kelapa sawit (OPTS)	Rekombinan <i>C. necator</i> Re2058/pCB113 direka bentuk daripada <i>C. necator</i> H16 (ATCC 17699) dengan plasmid pCB113 yang mengandungi gen sintase PHA <i>R. aetherivorans</i> dan gen hidrolase enoil-KoA khusus (R) <i>P. aeruginosa</i>	Poli(3-hidroksibutirat-ko-3-hidroksiheksanoat) (P(3HB-ko-3HHx))	[65]
<i>Escherichia coli</i> BL21 CodonPlus(DE3)-RIL	Glukosa dengan tambahan leusin sebagai prekursor 3H4MV	Plasmid pBBR1phaP(D4N)CJ <sub>Ac</sub> AB <sub>Re</sub> NSDG direka bentuk untuk ekspresi enzim metabolisme leusin (LdhA dan HadAIBC) daripada <i>Clostridium difficile</i> dan enzim biosintetik PHA (PhaPC <sub>JAc</sub> dan PhaAB <sub>Re</sub> ) daripada <i>Aeromonas caviae</i> dan <i>Ralstonia eutropha</i> menggunakan <i>E. coli</i> yang kodon optimum	Poli(3-hidroksibutirat-ko-3-hidroksi-4-metilvalerat)	[66]
<i>Escherichia coli</i> NS1391 pengeluar berlebihan leusin	Glukosa	Plasmid pTTQldhAhadAIBC <sub>cd</sub> untuk ekspresi enzim metabolisme leusin (LdhA dan HadAIBC) daripada <i>Clostridium difficile</i>	Poli(3-hidroksibutirat-ko-3-hidroksi-4-metilvalerat)	[66]
<i>Cupriavidus necator</i> PHB4	Minyak isirong sawit mentah (CPKO)	Ekspresi gen PHA sintase daripada <i>Chromobacterium</i> sp. USM2	P(3HB-ko-3HHx)	[67]
	Sisa minyak masak sawit	Ekspresi gen PHA sintase daripada <i>Aeromonas caviae</i> (PHB4/pBBREE32d13)	P(3HB-ko-3HHx)	[68]
<i>Escherichia coli</i> JM109	Glukosa	Plasmid pGEM <sup>+</sup> CABex untuk ekspresi <i>phbC<sub>P5</sub></i> daripada <i>Pseudomonas</i> sp. USM 4-55	Poli(3-hidroksibutirat)	[69]
	Glukosa	Plasmid pGEM <sup>+</sup> - <i>phaCAB<sub>Re</sub></i> untuk ekspresi enzim E11-4 PhaC <sub>Re</sub> mutan G4X daripada <i>R. eutropha</i>	Poli(3-hidroksibutirat)	[70]

Selain digunakan sebagai produk akhir, plastik sintetik juga kian mendapat perhatian ramai pihak bagi kegunaan kitar semula dan kitar naik secara

biologi [71], [72]. Antaranya sisa plastik yang sedang dikaji untuk proses bioteknologi adalah plastik polietilena tereftalat (PET) yang umumnya digunakan

secara meluas dalam pembungkusan makanan, botol plastik dan tekstil sintetik [73]. Kajian telah menunjukkan bahawa enzim hidrolitik seperti PETase yang dapat menguraikan PET kepada monomer boleh guna, sangat berpotensi untuk pendekatan bio kitar semula plastik PET [74], [75].

Enzim PETase, yang pertama kali dikenal pasti daripada *Ideonella sakaiensis* oleh penyelidik di Jepun [76], telah mendapat perhatian meluas dalam bidang biodegradasi plastik kerana keupayaannya menghidrolisis polietilena tereftalat (PET) secara efisien pada suhu sederhana. Pendekatan kejuruteraan protein secara in siliko telah digunakan oleh penyelidik tempatan di mana PETase dari *Vibrio palustris* telah dikaji dengan menggunakan alatan pengkomputeran termasuk pengedokan molekul dan simulasi dinamik molekul (MD) [77]. Simulasi MD juga diaplikasi bagi melihat kesan penukaran residu tapak aktif enzim lipase KV1 dari *Acinetobacter haemolyticus*, terhadap peningkatan pengikatan pada plastik PET secara in siliko [78]. Aktiviti enzim rekombinan PETase dari *I. sakaiensis* juga telah ditingkatkan melalui reka bentuk dan penghasilan agregat enzim bersilang PETase dengan *Amylopectin* (Amy) di dalam sistem pengekspresan *E. coli* [79]. Penggunaan agregat enzim bersilang PETase dengan menggunakan modul bersilang Amy dan juga *dialdehyde amylopectin* (DAA) jenis baharu telah dibuktikan dapat meningkatkan aktiviti penguraian PET apabila dibandingkan dengan PETase bebas tanpa agregat [79] [80]. Menggunakan kaedah kejuruteraan biologi, enzim IsPETase ini telah dihasilkan di dalam *P. putida* dan *C. necator* yang merupakan bakteria model penghasil PHA [50]. Sistem ortogonal yang dinamakan pSEV-Ortho-PHA (pSVOP) ini telah dibangunkan bagi membolehkan pengekspresan enzim PETase di dalam kedua-dua casis bakteria menggunakan bahagian genetik termasuk penggalak Trc, replikon pBBR1, protein penambah dan jujukan isyarat terpilih [50].

Bagi membolehkan plastik dikitar naik untuk penghasilan produk dengan nilai tambah, pelbagai strem mikrob telah dan sedang dibangunkan untuk mengurai dan mengasimilasi monomer PET bagi penghasilan produk industri seperti PHA, laikopina dan asid mukonik [81], [82], [83]. Dengan menggunakan pendekatan kejuruteraan mikrob, bakteria penghasil PHA iaitu *C. necator* dan *P. putida* telah direka bentuk secara biologi untuk mengekspres enzim pengurai PET [50]. Dengan menggunakan enzim penghidrolisis PET dipaparkan pada permukaan bakteria penghasil PHA, strategi kejuruteraan biologi ini akan membantu membangunkan casis baharu bagi penggunaan PET sebagai salah satu sisa bagi proses biotransformasi dan kitar naik secara biologi [72], [84]. Pendekatan melibatkan konsortium buatan mikrob juga makin mendapat perhatian dalam usaha semasa dalam mengolah and menukarkan plastik sintetik kepada plastik berasaskan bio baharu seperti poli(etilena furanoat) (PEF) [72].

## 2.7 Aplikasi Kejuruteraan Mikrob Untuk Pembangunan Biobahan Api

Biobahan api dibahagikan kepada generasi pertama hingga keempat berdasarkan sumber dan proses pengeluaran [85]. Biobahan api generasi pertama biobahan api generasi pertama diperbuat daripada tanaman makanan termasuk jagung dan tebu manakala biobahan api generasi kedua adalah berteraskan penggunaan sisa biojisim berlignoselulosa termasuk daripada tanaman bukan makanan seperti tandan buah kosong kelapa sawit (EFB) dan pelepah kelapa sawit (OPF) [86], [87]. Biobahan api generasi ketiga dihasilkan menggunakan alga dan mikroalga [85], manakala biobahan api generasi keempat menghasilkan bahan api melalui fotosintesis dan karbon dioksida yang melibatkan mikroorganisma yang diubah suai secara genetik seperti mikroalga, yis, kulat, dan sianobakteria [88].

Bioetanol dan biodiesel adalah antara biobahan api yang telah dilaporkan dihasilkan menggunakan fermentasi mikrob dari kumpulan penyelidikan di Malaysia. Bioetanol ialah alkohol yang dihasilkan oleh mikroorganisma apabila karbohidrat seperti kanji atau gula ditapai [89], [90]. Penghasilan bioetanol oleh gabungan kulat dan yis menggunakan EFB dan OPF [91] dan efluen kilang kelapa sawit (POME) [92] dapat dijadikan sebagai contoh kepada penghasilan bio-solusi melalui pendekatan ekonomi kitaran. Biodiesel adalah ester alkil rantai panjang yang dihasilkan melalui transesterifikasi trigliserida daripada lemak haiwan atau minyak sayuran menggunakan alkohol rantai pendek [93], [94], [95], [96]. Berbanding diesel fosil, biodiesel mempunyai jejak karbon yang rendah, lebih mesra alam dan kurang toksik dengan nombor oktana dan kandungan haba yang lebih tinggi [97]. Sumber bahan mentah utama untuk biodiesel termasuk biji minyak yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan seperti kelapa sawit, kacang soya, biji serai, bunga matahari dan kelapa sawit, yang menyumbang kira-kira 79% daripada pengeluaran global [98].

Minyak daripada mikroalga dan mikroorganisma berminyak (oleaginous) menawarkan alternatif yang lebih menjimatkan berbanding minyak sayuran [99]. Mikroorganisma berminyak boleh menghasilkan minyak lebih daripada 20% berat kering biojisimnya. Sebagai contoh, mikroalga boleh menghasilkan sehingga 100 kali lebih banyak minyak daripada kacang soya, menghasilkan 5,000 hingga 20,000 gelen minyak setahun [100]. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa minyak mikroalga *Nannochloropsis oculata* boleh diubah kepada 92% biodiesel melalui transesterifikasi bermangkin metanol dan kalsium metoksida [101]. Selain itu, teknik pemprosesan biologi bersepadu menyediakan strategi kos efektif untuk menghasilkan biodiesel tanpa menggunakan enzim tambahan [102], seperti yang dihasilkan mikroorganisma berminyak *Rhizopus* sp. [103].

Biogas dan biohidrogen semakin mendapat perhatian di Malaysia sebagai alternatif gas boleh diperbaharui [104], [105], [106]. Pelbagai strem termasuk bakteria anaerobik telah dipencil dan dikaji bagi penghasilan biometana daripada POME seperti *Bacillus toyonensis* strem BCT-71120, *Stenotrophomonas rhizophila* strem e-p10, dan *Chlorella* sp. [107], [108]. Satu tan POME dilaporkan dapat menjana sebanyak 28 m<sup>3</sup> biogas dan 2.4 tan metana setiap tahun, bersamaan dengan 3.4 juta

liter diesel [109]. Bagi biohidrogen, terdapat empat proses yang telah dilaporkan termasuk penapaian gelap oleh mikroorganisma anaerobik, biofotosianobakteria dan alga dalam air, fotofermentasi gabungan fotobakteria, atau sistem hibrid yang menggabungkan kegelapan dan fotofermentasi [110]. Jadual 3 memaparkan fermentasi biohidrogen daripada sisa industri minyak sawit yang dilaporkan oleh kumpulan penyelidikan di Malaysia.

**Jadual 3** Penyelidikan fermentasi biohidrogen oleh kumpulan-kumpulan penyelidikan di Malaysia

Casis	Substrat	Jenis reaktor	Proses	Suhu (°C)	Hasil	Sumber rujukan
Kombinasi kultur yang diperkaya (terutamanya <i>Thermoanaerobacterium</i> sp.)	Efluen kilang kelapa sawit (POME)	Sistem reaktor kelompok penjujukan anaerobik dua peringkat	Penapaian gelap	55 dan 37	2.52 mol H <sub>2</sub> /mol gula	[111]
Kombinasi bakteria anaerobik yang dikumpul daripada enap cemar	Efluen kilang kelapa sawit (POME) dirawat dengan 1% (b/i) HNO <sub>3</sub>	Penapaian kelompok	Penapaian gelap	60	1.04 mol H <sub>2</sub> /mol glukosa	[112]
Kombinasi bakteria yang diperkaya dengan enap cemar anaerobik	Efluen kilang kelapa sawit (POME) dirawat dengan 0.8% (b/i) H <sub>3</sub> PO <sub>4</sub>	Penapaian kelompok	Penapaian gelap	60	1.24 mol H <sub>2</sub> /mol glukosa	[112]
Bakteria anaerobik yang dicampur dalam keadaan termofilik	5.2 g/L glukosa	Penapaian kelompok	-	60	1.92 mol H <sub>2</sub> /mol glukosa	[113]
Sel bakteria termofilik pengeluar hidrogen tidak bergerak pada karbon teraktif berbutir	Xilosa dan glukosa	Penapaian kelompok penjujukan	Penapaian gelap	60	1.77 mol H <sub>2</sub> /mol substrat enap cemar-GAC nisbah 1:2	[114]
<i>Clostridium butyricum</i>	POME dirawat terlebih dahulu dengan haba alkali	Penapaian kelompok	Penapaian gelap	37	2.18 mol H <sub>2</sub> /mol karbohidrat	[114]
<i>Enterobacter</i> sp. KBH6958	OPEFB prarawatan AFEX	Penapaian kelompok	-	37	1.68 mol H <sub>2</sub> /per mol sugar	[115]
Enapcemar dirawat mengandungi arkea metanogenik yang telah dinyahaktifkan	Tandan buah kosong kelapa sawit yang dirawat dengan asid sulfurik	Penapaian kelompok	Penapaian gelap	35	1.98 mol H <sub>2</sub> /mol xilosa	[116]
<i>Clostridium butyricum</i> EB6	Efluen kilang kelapa sawit (POME)	Penapaian kelompok	-	37	3345 mL H <sub>2</sub> /L-POME	[117]
<i>Clostridium butyricum</i> EB6	Glukosa	Penapaian kelompok	-	37	948 mL H <sub>2</sub> /L-med	[117]
<i>Clostridium saccharoperbutylaceticum</i> N1-4 (ATCC 13564)	10 g/L glukosa	Penapaian kelompok	-	37	3.1 mol H <sub>2</sub> /mol glukosa	[118]

